

FAQ PERSIJILAN NDT BERIKUTAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Soalan 1:

Bilakah saya boleh mendapatkan keputusan peperiksaan yang telah saya duduki pada bulan Mac 2020?

Jawapan:

Keputusan peperiksaan bagi sesi peperiksaan pada bulan Mac 2020 akan dikeluarkan setelah Mesyuarat Pengesahan Peperiksaan bersidang sejurus tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tamat.

Soalan 2 :

Bilakah permohonan Personel SPKM-NDT saya akan diluluskan?

Jawapan 2 :

Semua permohonan baharu akan dibawa ke Mesyuarat Perakuan Personel berikutnya, yang akan dijadualkan selepas tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tamat.

Soalan 3 :

Bolehkah saya sebagai calon membuat permohonan menduduki peperiksaan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?

Jawapan 3 :

Boleh. Permohonan Menduduki Peperiksaan adalah secara atas talian, bagaimanapun JPK hanya akan memproses permohonan dan mengendalikan sesi peperiksaan selepas 31hb Mac atau selepas tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tamat.

Soalan 4 :

Bilakah keputusan permohonan persijilan NDT akan dikeluarkan?

Jawapan 4 :

Keputusan permohonan persijilan NDT akan dikeluarkan setelah Mesyuarat Permohonan Persijilan NDT bersidang selepas tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tamat.

Soalan 5 :

Sijil saya tamat dalam tempoh PKP. Adakah tarikh tamat sijil saya akan dilanjutkan sehingga tamat tempoh PKP?

Jawapan 5 :

Semua permohonan berkaitan persijilan NDT perlu dibuat secara atas talian di www.endt.skkm.gov.my. Tarikh tamat sijil tidak akan dilanjutkan sehingga tamat tempoh PKP. Bagi urusan pembayaran, boleh dikemukakan setelah tamat tempoh PKP.

Soalan 6 :

Bilakah peperiksaan NDT boleh dijalankan setelah tempoh PKP tamat?

Jawapan 6 :

Pelaksanaan peperiksaan setelah tamat tempoh PKP adalah bergantung kepada kesediaan PB NDT. Tuan boleh berhubung terus dengan PB NDT seurus tempoh PKP tamat.